



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN KUMPULAN KESENIAN JABATAN (KKJ)
DI JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
KELANTAN (JKKN, KN)**

**Siti Nor Asiah Bt Mashor
28280**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2013**

**PENGURUSAN KUMPULAN KESENIAN JABATAN (KKJ)
DI JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA,
KELANTAN (JKKN, KN)**

SITI NOR ASIAH BT MASHOR

(28280)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Keahlian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PENGURUSAN KUMPULAN KESENIAN JABATAN (KKJ) DI JABATAN
KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, KELANTAN (JKKN, KN)

SESI PENGAJIAN : 2012 / 2013

Saya SITI NOR ASIAH BT MASHOR mengaku membenarkan *tesis ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitalan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengaji tinggi.
5. **sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Tarikh: _____

Tarikh : _____

Alamat tetap:
372- D Kampung Jelutong Kota,
15100 Kota Bharu,
Kelantan.

Catatan:* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/Laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pengurusan Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ) di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan (JKKN, Kn)** ini telah disediakan oleh **Siti Nor Asiah Bt Mashor** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Tn. Hj. Mohd Ghazali bin Abdullah)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W. B.T dan Salam Sejahtera

Bersyukur saya ke hadrat illahi kerana limpah dan kurnia-nya Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah dapat disiapkan dengan sepenuhnya. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tn. Hj. Mohd Ghazali bin Abdullah yang merupakan selaku penyelia untuk penyelidikan ini yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Sejuta penghargaan ikhlas juga dirakamkan kepada Dr. Noria Anak Tugang, Cik Karen Audrey Samy, Dr. Indra Utama, dan Dr. Anna Durin selaku pensyarah program yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang menjayakan penyelidikan ini.

Penghargaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan terutamanya En. Ma'roof bin Seman, Puan Ruhani binti Mohd Zain, dan En. Mohd Radzi bin Yusof atas komitmen yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini.

Selain itu, setinggi penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada ahli keluarga terutamanya bonda tercinta Pn. Rohani binti Mat atas sokongan yang diberikan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa berkat dan doa mereka tidak mungkin saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang disayangi banyak memberi sokongan serta nasihat yang membina kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Akhir kata dari saya, terima kasih atas segalanya.

Jasa kalian amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Halaman tajuk	
Borang pengesahan status laporan	
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	xii
<i>Abstract</i>	<i>xiii</i>

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar belakang kajian	1
1.2	Permasalahan kajian	4
1.3	Objektif kajian	5
1.4	Persoalan kajian	6
1.5	Skop kajian	7
1.6	Batasan kajian	7
1.7	Kepentingan kajian	8
1.8	Kerangka konsep organisasi	9
1.9	Kerangka konsep KKJ	12
1.10	Rangkaian Kerangka Konsep KKJ dan JKKN, Kn	14
1.8	Penyampaian kajian	15

BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0	Pengenalan	17
2.1	Konsep pengurusan	17
	2.1.2 Pengurusan organisasi	20
	2.1.3 Pengurusan pentas	22
	2.1.4 Pengurusan pemasaran	23
2.2	Konsep tarian	25
	2.2.1 Tarian Mak Yong	26
2.3	Konsep pemeliharaan	28
2.4	Kesimpulan	30

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	31
3.1	Lokasi kajian	31
3.2	Kaedah kajian	32
3.3	Kaedah pengumpulan data	33
	3.3.1 Data primer	34
	3.3.2 Data sekunder	35
3.4	Instrumen kajian	35
3.5	Kaedah penganalisan data	37
3.6	Kesimpulan	37

BAB EMPAT: ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	38
4.1	Carta Organisasi KKJ JKKN, Kn	39
4.2	Mengenalpasti bentuk-bentuk dan jenis-jenis tarian KKJ di JKKN, Kn.	40
4.2.1	Tarian-tarian pilihan KKJ	43
4.2.2	Kostume wanita dalam tarian nego	54
4.2.3	Kostume lelaki dalam tarian nego	55
4.2.4	Kostume wanita dalam tarian wau bulan	59
4.2.5	Kostume lelaki dalam tarian wau bulan	60
4.2.6	Kostume wanita dalam tarian asyik	66
4.2.7	Kostume lelaki dalam tarian zapin salor	71
4.3	Menilai pelaksanaan program persembahan kesenian KKJ di JKKN, Kn.	82
4.3.1	Persembahan KKJ sempena Hari Kemerdekaan	83
4.3.2	Persembahan KKJ Dalam Program Eksplorasi Mak yong Siri Jelajah Kijang Mas	84
4.3.3	Persembahan KKJ Dalam Program Merakyatkan Seni (PMS)	85
4.3.4	Persembahan KKJ Dalam Program Pusat Seni Setempat (PSS)	86
4.3.5	Persembahan KKJ Dalam Program Tahun Melawat Kelantan 2012	87
4.3.6	Persembahan KKJ Dalam Program Inspitari	88
4.4	Menganalisis keberkesanan pengurusan KKJ di JKKN, Kn	89

BAB LIMA: CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.0	Pengenalan	93
5.1	Rumusan	93
5.2	Penemuan Kajian	95
5.3	Cadangan Kepada Organisasi	96
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	97
5.5	Kesimpulan	97
RUJUKAN		99
LAMPIRAN		101
Lampiran A	Latar belakang informan	101
Lampiran B	Sesi temubual dengan informan En. Ma'roof bin Seman	102
Lampiran C	Sesi temu bual dengan informan Puan Ruhani Binti Mohd Zin	103
Lampiran D	Sesi temu bual dengan informan En. Mohd Radzi bin Yusof	104

ABBREVIATION/ KEPENDEKKAN

JKKN, Kn	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan
KKJ	Kumpulan Kesenian Jabatan
MTA	Malaysia Truly Asia
NGO	Non Government Organization (Badan-badan bukan kerajaan)
PKMA	Pusat Khidmat Maklumat Akademik
PMS	Program Merakyatkan Seni Budaya
PSS	Pusat Seni Setempat
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak

SENARAI RAJAH

PERKARA

Rajah 1.1 :	Kerangka konsep organisasi	9
Rajah 1.2 :	Kerangka konsep pengurusan KKJ	12
Rajah 1.3 :	Rangkaian kerangka konsep KKJ dan JKKN, Kn	14

SENARAI FOTO

PERKARA

Gambar 4.1	Gerak Tari Nego Ragam Wanita Melenggang	45
Gambar 4.2	Gerak Tari Nego Ragam Tepuk dan Silang Tangan	49
Gambar 4.3	Gerak Tari Nego Ragam Berjalan Menaiki Tangga	46
Gambar 4.4	Gerak Tari Nego Ragam Mek Berjalan	46
Gambar 4.5	Gerak Tari Nego Ragam Tepuk Lambong	47
Gambar 4.6	Gerak Tari Nego Ragam Mek Buka Kedai	48
Gambar 4.7	Gerak Tari Nego Ragam Wau Bulan Jelepek	48
Gambar 4.8	Gerak Tari Nego Ragam Menyusun Barangan Bakul Junjung	49
Gambar 4.9	Gerak Tari Nego Ragam Mengambil Barang	50
Gambar 4.10	Gerak Tari Nego Ragam Mengalih Barang	50
Gambar 4.11	Gerak Tari Nego Ragam Dikir Berdiri	51
Gambar 4.12	Gerak Tari Nego Ragam Menunjukkan Gelang Emas	51
Gambar 4.13	Gerak Tari Nego Ragam Pak Salih Kena Sigung	52
Gambar 4.14	Gerak Tari Nego Ragam Usik Budu	53
Gambar 4.15	Gerak Tari Asyik Ragam Pusing Tangan	62
Gambar 4.16	Gerak Tari Asyik Ragam Angkat Sembah	62
Gambar 4.17	Gerak Tari Asyik Ragam Bersolek	63
Gambar 4.18	Gerak Tari Asyik Ragam Pergerakkan Burung	63
Gambar 4.19	Gerak Tari Asyik Ragam Duduk Atas Tumit Kaki	64
Gambar 4.20	Gerak Tari Asyik Ragam Menyusun Sireh	65

Gambar 4.21	Gerak Tari Ragam Silang Tangan	73
Gambar 4.22	Gerak Tari Ragam Pergerakan Burung Tidak Sekawan	73
Gambar 4.23	Gerak Tari Ragam Bunga Lambai	74
Gambar 4.24	Gerak Tari Ragam Burung Terbang	75
Gambar 4.25	Gerak Tari Ragam Bunga Petik Buang	75
Gambar 4.26	Gerak Tari Ragam Itik Berenang	76
Gambar 4.27	Gerak Tari Mengadap Rebab Ragam Pusingan Lapan	78
Gambar 4.28	Gerak Tari Mengadap Rebab Ragam Putaran Tangan	79
Gambar 4.29	Gerak Tari Mengadap Rebab Ragam Petik Jari	79
Gambar 4.30	Gerak Tari Mengadap Rebab Ragam Love Terbalik	80
Gambar 4.31	Gerak Tari Mengadap Rebab Ragam Pusingan Pergerakan Tangan	81
Gambar 4.32	Gerak Tari Mengadap Rebab Ragam Tolak Angin	81

ABSTRAK

Kajian ini mengenai pengurusan Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ) di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan (JKKN, Kn). Objektif kajian ini ialah mengenalpasti bentuk-bentuk dan jenis-jenis tarian KKJ di JKKN, Kn, menilai pelaksanaan program persembahan kesenian KKJ di JKKN, Kn, dan menganalisis keberkesanan pengurusan KKJ di JKKN, Kn. Kajian ini menggunakan kerangka konsep organisasi yang memperlihatkan jaringan antara pengurusan, latihan, persembahan, dan hubungan antara penghubung dengan peminat dan penggiat amat rapat dan berpadu. Penemuan kajian mendapati bahawa pengurusan kesenian oleh JKKN, Kn dapat mempertingkatkan perkembangan kesenian tradisional, memulihara bentuk-bentuk persembahan dan memberi peluang kepada generasi baru mewarisi seni budaya melayu.

ABSTRACT

This research is about the Department of Art Group Management at Kelantan National Culture and Art Department. The research objectives are to identify the forms and types of dance, to evaluate the implementation of Art Program presentation and to analyze the effectiveness of management Kelantan National Culture and Art Department. The research framework refers to concept organization. The concept sees the network between management, training, presentation and the relationship between links and fans that are close and cohesive. The research findings showed that the management of Kelantan National Culture and Art Department can improve the traditional art growth, conserving the forms of presentation and give opportunity to the future generation inherited Malay Culture Art.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab pendahuluan. Sebagai bab pendahuluan perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep kajian, dan penyampaian kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan (JKKN, Kn) di tubuhkan bertujuan untuk mengekal dan mengembangkan kebudayaan dan kesenian. JKKN,Kn juga bertujuan untuk menyebarkan maklumat seni budaya kepada orang awam dalam dan luar negara (Laporan JKKN, Kn 2010). Aspek yang ditekankan oleh JKKN, Kn dalam menjalankan aktivitinya menjurus kepada pembangunan negara, merakyatkan seni dan budaya, mengekalkan warisan negara melalui penyelidikan dan pemuliharaan, mempertingkatkan

kegiatan kebudayaan dan kesenian bagi menggalakkan penglibatan dan penghayatan kebudayaan kebangsaan. Menurut laporan tahunan itu lagi, aspek lain yang ditekankan ialah pengembangan kebudayaan dan kesenian melalui projek-projek di bawah pengukuhan dasar, pengembangan dan pendidikan seni, pengukuhan masyarakat berbudaya yang bersatu padu, aman dan maju serta pengukuhan nilai moral dan rohaniah yang berteraskan keperibadian kebangsaan. Berdasarkan laporan tahunan tersebut, JKKN, Kn mempergiatkan usaha-usaha untuk memperkukuhkan nilai-nilai kerohanian masyarakat dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan yang berteraskan keperibadian bangsa itu sendiri.

JKKN, Kn merupakan teraju ataupun tunggak utama dalam pembentukan kebudayaan dan kesenian negeri Kelantan. Pelbagai usaha yang menyeluruh dilakukan bagi membentuk dan mewujudkan masyarakat yang cintakan kebudayaan dan kesenian. Sebagai sebuah organisasi yang utama dalam pembentukan kebudayaan dan kesenian negeri Kelantan, JKKN, Kn telah menubuhkan sebuah kumpulan yang dikenali sebagai Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ).

KKJ di JKKN, Kn merupakan kumpulan kesenian di Jabatan tersebut dan ditubuhkan untuk memulihara warisan kesenian tradisional. KKJ di JKKN, Kn telah ditubuhkan dengan nama kumpulan Mak Yong Kijang Emas pada tahun 2006. Kumpulan ini telah diserap kepada Artis Budaya KKJ JKKN, Kn bermula 23 November 2011 sehingga ke hari ini (Laporan tahunan JKKN, Kn2012).

KKJ ini terdiri daripada 18 orang penari iaitu sembilan lelaki dan sembilan perempuan. Jurulatih kumpulan tersebut terdiri daripada lima orang yang berpengalaman dalam seni persembahan tradisional mak yong, teater, dan tari. Latihan tarian dijalankan sebanyak lima kali seminggu bagi melatih pergerakan penari agar tidak lupa dengan setiap langkah tarian. Penubuhan KKJ di JKKN, Kn bertujuan untuk mewarisi kesenian ini. Selain daripada itu juga, kumpulan ini diwujudkan untuk memartabatkan kesenian seni tari tradisional Kelantan sebagai seni persembahan. Penubuhan KKJ di JKKN,Kn ini juga untuk mencungkil dan mengasah bakat baru serta menyemarakkan semula kesenian tradisional.

Oleh yang demikian, JKKN, Kn merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam menguruskan penubuhan KKJ dan memainkan peranan utama dalam membangun dan mengembangkan kesenian tradisional. Untuk mencapai hasrat tersebut JKKN,Kn telah menubuhkan KKJ dengan mengutamakan tarian-tarian tradisional seperti tarian asyik, tarian nego, tarian ragam, tarian mengadap rebab, tarian wau bulan dan sebagainya.

Penekanan dalam kajian ini adalah mengenalpasti aspek-aspek pengurusan bagi melahirkan sistem pengurusan yang berkesan dalam KKJ di JKKN, Kn. Antara aspek-aspek yang dikaji seperti pengurusan KKJ di JKKN, Kn, pelaksanaan program KKJ, serta keberkesanan pengurusan KKJ oleh JKKN, Kn.

1.2 Permasalahan Kajian

KKJ yang ditubuhkan di bawah JKKN, Kn memberi fokus atau tumpuan kepada latihan dan persembahan tarian tradisional iaitu tarian mak yong, tarian asyik, tarian nego, tarian ragam, tarian mengadap rebab, tarian wau bulan dan sebagainya. KKJ bertujuan untuk memulihara, memelihara dan mengembangkan seni tari tradisi yang terdapat di negeri Kelantan untuk dihayati oleh penduduk tempatan dan penduduk luar. Oleh kerana itu tarian tradisional masyarakat melayu Kelantan adalah lambang jatidiri masyarakat Melayu Kelantan. Sesuai dengan citra masyarakat Kelantan yang terkenal dengan keunikan seni dan budayanya, yang memberi rangsangan kepada pengkaji untuk mengkaji apa yang dilakukan oleh JKKN, Kn terhadap KKJ yang ditubuhkan untuk memartabatkan seni tari tradisional masyarakat Melayu Kelantan ke persada masyarakat. Sebagai contohnya, kesenian tradisional Mak Yong telah diiktiraf oleh UNESCO pada 25 November 2005 yang menjadikan Mak Yong sebagai seni bertaraf warisan dunia. Atas faktor tersebut tari tradisi Mak Yong ini di pulihara dan di pelihara bagi memartabatkan warisan dunia ini kekal untuk diwarisi kepada generasi masyarakat Melayu Kelantan. Begitu juga dengan seni warisan lain seperti tarian zapin, ulik mayang, joget Kelantan, tarian satu Malaysia dan sebagainya yang sedang diusahakan oleh KKJ ini untuk penduduk tempatan dan penduduk luar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti, menilai pelaksanaan program persembahan, dan menganalisis aspek-aspek pengurusan

yang dilakukan oleh JKKN, Kn dalam memulihara dan memelihara warisan seni tari masyarakat Kelantan yang unik dan istimewa ini.

KKJ mendapat pengiktirafan daripada Persatuan Pelancongan Negeri Kelantan sebagai produk budaya pelancongan. Pengiktirafan ini telah disempurnakan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan pada 3 Disember 2008 (Laporan JKKN, Kn 2012). Sehubungan dengan itu, KKJ di JKKN, Kn yang menjadi tumpuan dalam kajian ini untuk memaparkan, menilai, dan juga menganalisis aspek-aspek pengurusan dalam latihan dan juga persembahan KKJ kepada penduduk tempatan dan penduduk luar.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk menetapkan matlamat kajian yang dilakukan mengenai pengurusan KKJ di JKKN,Kn dalam membentuk dan mewujudkan masyarakat yang cintakan kebudayaan dan kesenian. Melalui objektif ini juga, penyelidik akan dapat mengetahui tentang keberkesanan aspek-aspek pengurusan KKJ di bawah pengelolaan JKKN, Kn dalam mengekalkan seni persembahan. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian ini sebagai penyelidikan sama ada bertepatan dengan objektif kajian ataupun bertentangan dengan apa yang difokuskan dalam kajian ini.

Objektif umum kajian ini mengenai pengurusan secara menyeluruh KKJ di bawah kelolaan JKKN, Kn. Untuk mencapai objektif umum tersebut maka di sini diperincikan secara detail objektif khusus kajian ini iaitu:

- 1) Mengenalpasti bentuk-bentuk dan jenis-jenis tarian KKJ di JKKN, Kn
- 2) Menilai pelaksanaan program persembahan kesenian KKJ di JKKN, Kn
- 3) Menganalisis keberkesanan pengurusan KKJ di JKKN, Kn

1.4 Persoalan Kajian

Setiap penyelidikan yang dilakukan mempunyai persoalan kajian agar penyelidikan yang dijalankan menepati dengan tajuk kajian pengkaji. Persoalan kajian juga perlu agar pengkaji tidak terpesong dalam membuat kajiannya. Setiap persoalan ini akan dijawab oleh pengkaji pada bahagian yang berikutnya. Pengkaji telah memilih tajuk kajian berkaitan dengan pengurusan KKJ di JKKN, Kn. Oleh itu, beberapa persoalan akan dibuat dan akan dijawab oleh pengkaji pada bab yang seterusnya. Antara persoalannya ialah:

- 1) Apakah kaedah mengenalpasti bentuk-bentuk dan jenis-jenis tarian KKJ di JKKN, Kn
- 2) Bagaimana untuk menilai pelaksanaan program persembahan kesenian KKJ di JKKN, Kn?
- 3) Apakah kaedah untuk menganalisis keberkesanan pengurusan KKJ di JKKN, Kn?

1.5 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada latihan dan persembahan tarian KKJ di JKKN,Kn dalam aspek pengurusan persembahan tarian KKJ, JKKN,Kn sahaja.

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini beberapa faktor utama dijadikan sebagai batasan kajian. Faktor utama dalam kajian pengkaji ialah batasan masa, tempat, informan, kandungan.

(a) Batasan Masa

Dalam mengkaji batasan masa, pengkaji mengkaji bermula dari penubuhan Kumpulan Mak Yong Kijang Emas pada tahun 2006 sehingga di serap kepada artis budaya KKJ.

(b) Batasan Tempat

Batasan kajian juga dilihat dari segi batasan tempat. Kajian ini akan melihat batasan tempat untuk dikaji. Pengkaji akan menjalankan kajian di kawasan KKJ di bawah kelolaan JKKN, Kn yang berlamat di Taman Budaya Kelantan, Tanjong Chat, 16040 Kota Bharu Kelantan sahaja.

(c) Batasan Informan

Penyelidik akan menemubual seramai tiga orang informan yang merupakan tenaga pengajar artis budaya KKJ di JKKN, Kn bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan pengurusan KKJ. Informan yang di maksudkan oleh pengkaji ialah Encik Ma'roof bin Seman, Puan Ruhani binti Mohd Zin, dan Encik Mohd Radzi bin Yusof. Ketiga-tiga orang informan tersebut adalah artis budaya di JKKN, Kn.

(d) Batasan Kandungan

Pengkaji lebih memfokuskan kepada pengurusan KKJ di JKKN, Kn. Kajian dilakukan ke atas persembahan dan latihan kumpulan KKJ di JKKN Kn.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini secara tidak langsung akan dapat mengenalpasti, menilai, dan menganalisis kaedah pengurusan KKJ di JKKN, Kn oleh aspek-aspek pengurusan yang menjadi matlamat kajian maka pemerhatian, penelitian, dan pengkajian ditumpukan kepada perkara tersebut. Diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada organisasi jabatan JKKN, Kn. Selain itu, kajian ini juga penting untuk memberi panduan kepada penyelidik-penyelidik dari Pusat Pengajian Tinggi dan Badan-Badan Penyelidik Seni. Melalui kajian ini juga,